

RAKYAT DISARAN BERANI BERBELANJA DEMI PRODUK TEKNOLOGI BAHARU

October 5, 2016, Wednesday
The Borneo Post



BUKU HASIL PENYELIDIKAN: Abu Bakar (dua kanan) meneliti buku yang mengandungi hasil kajian para pensyarah pada majlis Persidangan Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional di Politeknik Merlimau di Jasin, semalam. Turut hadir Zolkarnain (dua kiri). — Gambar Bernama

JASIN: Rakyat Malaysia disaran agar berani berbelanja untuk mendapatkan teknologi baharu sebagai inisiatif memudahkan kehidupan seharian mereka, kata Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Beliau berkata rakyat sanggup berbelanja untuk teknologi baharu yang tertentu sahaja seperti telefon pintar demi kepuasan diri sendiri tetapi tidak ramai mahu berbelanja untuk produk inovasi bagi memudahkan kehidupan harian mereka.

“Banyak produk inovasi telah dihasilkan antaranya penjimatan tenaga, minyak, bioteknologi dan farmaseutikal selain produk herba yang telah pun mendapat pengiktirafan namun terbiar begitu sahaja.

“Ini disebabkan kurangnya penerimaan masyarakat terhadap teknologi baharu disebabkan (sikap) mereka yang tidak mahu berbelanja sehingga menyebabkan produk komersial tersebut sukar untuk menembusi pasaran tempatan,” katanya kepada pemberita di Politeknik Merlimau di sini semalam.

Terdahulu beliau merasmikan ‘The 1st Conference On Engineering, Technology and Education 2016’ yang merupakan kerjasama antara lima universiti tempatan iaitu Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Universiti Putra Malaysia, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia dan Universiti Malaysia Sarawak serta Politeknik Merlimau.

Sebanyak 60 hasil penulisan penyelidikan dan ilmiah dari institusi awam berkenaan akan dibentangkan pada program yang berlangsung dua hari bermula hari ini yang turut dihadiri Pengarah Politeknik berkenaan, Zolkarnain Jobshi.

Abu Bakar berkata kadar pengkomersilan produk di negara ini agak perlahan iaitu hanya pada tahap lapan serta sembilan peratus dan MOSTI dalam usaha menggiatkan langkah untuk mencapai kadar 15 peratus.

“Kejayaan sesebuah negara banyak bergantung kepada perkembangan teknologi, bagaimanapun kita janganlah rakus mencipta pelbagai bentuk teknologi baharu yang canggih sehingga mengabaikan kepentingan alam sekitar dan kesan yang bakal dihadapi oleh generasi masa hadapan,” katanya. —
Bernama